



KEPADA : Ahli Mesyuarat J/K Sebutharga A

DARIPADA : Mohd Faizol Bin Abd Rahman
Penolong Pengurus
Productivity Advisory & Consultancy Services (PACS)

MELALUI : Haji Rosmi Abdullah
Pengarah
Productivity Advisory & Consultancy Services (PACS)

Mahadi Hasbullah
Pengurus Kanan
Unit Perolehan

TARIKH : 10 Februari 2021

PERKARA : MEMUKTAMADKAN HASIL RUNDINGAN HARGA BAGI
LANTIKAN PEMBEKAL PROGRAM 'BUSINESS TOWARDS
INDUSTRY 4.0' DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI
VENDOR (PPKV) – KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN KOPERASI (MEDAC) 2020

1. Lantikan tiga (3) pembekal bagi melaksanakan Program 'Business Towards Industry 4.0' PPKV-MEDAC 2020 telah dibuat melalui *Electronic Government Procurement Application* (EGPA) dan telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 16 Oktober 2020.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga (JRH) telah dibuat dengan ketiga-tiga pembekal pada 23 Oktober 2020. Mesyuarat ini bertujuan untuk membuat rundingan harga bagi kos yang ditawarkan oleh pembekal bagi melaksanakan program. Hasil rundingan tersebut, pembekal telah bersetuju untuk memberikan pengurangan harga seperti jadual berikut:

Bil	Pembekal	Harga Tawaran Asal	Harga Dipersetujui	Perbezaan Harga	
		(RM)	(RM)	(RM)	(%)
1	LPS Learning Platform	110,700.00	109,593.00	1,107.00	1.0%
2	Powernode Solution Sdn Bhd	22,200	21,534.00	666.00	3.0%
3	Sustainable Industrial Revolution & Innovation Sdn Bhd	47,700.00	46,650.00	1,050.00	2.2%

3. Pengurangan harga daripada pembekal-pembekal ini telah memberikan keuntungan kepada kerajaan dan MPC selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan ((PP)/PK7.16). Jumlah pengurangan yang dipersetujui adalah sebanyak RM2,823.00 daripada peruntukan asal program iaitu RM180,600.00.
4. Sehubungan itu, pihak kami ingin memaklumkan dan memohon pertimbangan serta kelulusan Jawatankuasa Sebutharga A MPC terhadap pengurangan harga yang telah diberikan oleh pembekal bagi melaksanakan program ini dan mematuhi syarat (Perkara 3C & 3D) yang telah diberikan oleh MOF di dalam Surat Kelulusan EGPA bertarikh 16 Oktober 2020 (MOF.BPK(S)600-15/8/35(9)).

Sekian, terima kasih.


Tandatangan:



EN. ZAHID ISMAIL

PENGERUSI
TARIKH: 10/2/2021

Tandatangan:



**EN. MOHD YAZID ABDUL
MAJID**

AHLI
TARIKH: 10/2/2021

Tandatangan:



**YBHG. DATIN
ROSELEENA HASHIM**
AHLI
TARIKH: 10/2/2021